

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) sejak Skim Subsidi Bas Baru diperkenalkan oleh SPAD, berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan oleh pihak SPAD; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan subsidi bas baru yang disalurkan kepada pengusaha bas sekolah di negeri Sarawak sehingga Februari 2015.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, terdapat hanya satu (1) skim bas baru diperkenalkan untuk penggantian bas yang lama. Skim ini dikhaskan untuk bas sekolah sahaja dan telah bermula dari 1 Januari 2013 dan tamat sehingga 31 Disember 2014.

2. Dalam tempoh tersebut, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menerima 1,990 permohonan penggantian bas sekolah dan telah meluluskan 1,982 permohonan. Walaubagaimanapun, Bank Simpanan Nasional (BSN), iaitu institusi kewangan yang diberikan amanat untuk pelaksanaan skim ini, hanya menerima sebanyak 233 permohonan pinjaman dan telah meluluskan sebanyak 201 permohonan pinjaman yang berjumlah RM 17,436,700.

3. Daripada jumlah berkenaan, enam (6) permohonan pinjaman adalah daripada pengusaha bas sekolah di negeri Sarawak. Setakat ini, BSN telah meluluskan kesemua permohonan tersebut yang berjumlah RM514,400.

Sekian, terima kasih.